

# Bahana orang **songsang**

Metro 5/11/13 Ms 19.

## ■ Kes HIV/AIDS babit homoseksual, biseksual meningkat ketara sejak 2002

Kegiatan seks songsang di pusat sauna dan taman rekreasi seperti dua laporan awal Wajah Kehidupan antara punca peningkatan kes HIV/AIDS membabitkan golongan homoseksual. Ikuti pandangan pakar kaedah membendung gejala ini.

Oleh Ardyhansah Amat  
ardyhansah@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur



**K**es HIV/AIDS membabitkan pengamal homoseksual dan biseksual di negara ini meningkat 13 kali ganda dalam tempoh 10 tahun antara 2002 dan 2012.

Pengerusi Yayasan PT Hisham Hussein (*gambar*) berkata, statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan jumlah penghidap virus HIV membabitkan golongan itu seramai 654 orang pada tahun lalu.

Menurutnya, jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding hanya 51 orang pada 2002.

"Malah, jumlah penghidap virus ini juga meningkat 100 peratus pada 2012 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya yang mencatatkan 358 orang.

"Justeru, saya tidak menolak amalan seks bebas dalam kalangan golongan ini menjadi punca peningkatan kes berkenaan.


"Bagaimanapun, saya ti-

dak mahu masyarakat menganggap penyakit AIDS ini hanya disebabkan amalan gaya hidup songsang golongan homoseksual dan biseksual semata-mata.

"Jika dibuat perbandingan statistik penghidap virus HIV dalam kalangan golongan heteroseksual pada tahun lalu mencatatkan 1,538 orang, jauh lebih tinggi daripada golongan homoseksual dan biseksual," katanya.

Bagi Hisham, cara menangani masalah itu bukan lagi menerusi hukuman.

Sesbaliknya, beliau berkata, kerajaan dan pihak bertanggungjawab perlu menggunakan kaedah pendidikan atau cara yang lebih halus.



PEKERJA dan pelanggan sebuah pusat urut tumpuan golongan songsang ditahan dalam satu gerakan tidak lama dulu.

duk Malaysia termasuk pengamal homoseksual dan biseksual ini, ia perlu dilakukan menerusi pendidikan dengan mengajar atau memujuk mereka untuk menggunakan kaedah yang selamat.

"Sudah tentu perkara pertama yang perlu dilakukan adalah jangan melakukan hubungan seks songsang, tetapi sejauh mana

perkara itu berkesan dalam kalangan golongan homoseksual.

"Dengan perkembangan dunia hari ini termasuk Internet, kemudahan telefon pintar dan sebagainya, masalah ini akan terus berlaku," katanya.

Menurut Hisham, matlamat utama pendidikan seperti itu bukanlah untuk menghapuskan gaya hidup

songsang semata-mata.

Sebaliknya, beliau berkata, mengurangkan penyebaran virus HIV yang berlaku melalui pemindahan darah dan air mani.

"Kita pernah berdepan dengan masalah peningkatan penghidap virus ini dalam kalangan penagih dadah.

"Pelbagai cara dan hukuman dilakukan, namun

jumlah penghidapnya tertus meningkat sehingga mencecah 5,176 orang pada 2002.

"Namun apabila program pendidikan dilakukan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) seperti pendedaran jarum suntikan secara percuma bagi mengelakkan perkongsian jarum, jumlah penghidap HIV/AIDS dalam kalangan penagih dadah mula menunjukkan penurunan sehingga 1,014 orang pada 2012.

"Justeru, perkara yang sama (pendidikan) perlu dilakukan bagi menangani masalah penyebaran HIV/AIDS melalui hubungan seks sama ada yang dilakukan secara normal atau songsang," katanya.

### JUMLAH PENGHIDAP HIV/AIDS

TAHUN	HOMOSEKSUAL / BISEKSUAL	HETEROSEKSUAL
2002	51	1,218
2003	151	1,307
2004	222	1,271
2004	209	1,356
2006	263	1,599
2007	184	1,315
2008	113	989
2009	162	821
2010	301	1,472
2011	358	1,573
2012	654	1,538

# DBKL siasat pusat sauna jadi 'port' golongan homoseksual

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melakukan siasatan terhadap tiga pusat sauna di ibu kota yang dikeksan menjadi 'port' golongan homoseksual melakukan seks.

Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL Datuk Mhd Amin Nordin Abd Aziz berkata, pendedahan itu mengejutkan kerana pihaknya tidak pernah menerima permohonan dari mana-mana pihak untuk menjalankan aktiviti sauna semata-mata.

"Aktiviti sauna dikategorikan di bawah operasi spa dan lesen perniagaan hanya akan dikeluarkan sekiranya pemohon menyediakan sekurang-kurangnya empat aktiviti seperti sauna, jakuzi, mandi herba, urut badan dan urut kaki.

"Syarat lesen tidak menetapkan sama ada aktiviti yang dibenarkan itu dikhu-

suskan mengikut jantina kecuali membabitkan aktiviti kecantikan seperti melangsing badan, pusat salun kecantikan yang dikhususkan untuk golongan wanita atas faktor keselesaan dan keselamatan.

"Bagaimanapun, DBKL tidak pernah menerima aduan awam mengenai kegiatan aktiviti homoseksual di pusat sauna dan ini pertama kali saya mengetahuinya," katanya.

Tiga lokasi pusat sauna terbabit ialah Bukit Bintang, Jalan Klang Lama dan Brickfields.

Menurut beliau, sehingga 30 September lalu, hanya 77 lesen spa diluluskan DBKL di sekitar bandar raya ini.

"Permohonan baru terhadap pembukaan spa, urut dan rawatan kecantikan masih diterima oleh DBKL, tetapi tertakluk kepada terma dan syarat.

"Misalnya operasi sauna

dan khidmat refleksologi orang buta di Brickfields, tiada lesen dikeluarkan bagi membolehkan mereka mengusahakan aktiviti itu serentak. Sepatutnya refleksologi orang buta ini perlu diusahakan sendiri tanpa membabitkan sebarang aktiviti lain," katanya.

Beliau berkata, siasatan akan dilakukan dan sekiranya pengusaha premis berkenaan didapati melanggar syarat lesen, tindakan tegas akan diambil termasuk kompaun, pembatalan lesen dan merampas duit cagaran antara RM5,000 hingga RM10,000 (berbeza mengikut keluasan lantai premis).

Katanya, seperti juga kes membabitkan pusat refleksologi kaki dan badan, DBKL akan mengambil tindakan termasuk meroboh struktur tambahan yang tidak dibenarkan atau tiada dalam permohonan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendan Abd Rahim Hamzah berkata, tiada sebarang aduan rasmi diterima pihaknya berhubung kegiatan homoseksual di sekitar Taman Tasik Permaisuri.

"Berdasarkan maklumat diperolehi, memang ada orang awam berkumpul di situ (Taman Tasik Permaisuri) pada awal pagi. Malah rondaan anggota polis juga kerap di situ.

"Tapi ia kawasan awam, tidak berpagar serta tiada penetapan masa kawasan itu dibuka kepada umum menyebabkan tindakan undang-undang tidak boleh diambil jika terdapat orang awam berkunjung ke situ.

"Namun melalui rondaan juga, polis akan melakukan pemeriksaan ke atas orang awam termasuk remaja bawah umur dan menasihatkan mereka untuk beredar



“Aktiviti sauna dikategorikan di bawah operasi spa dan lesen perniagaan hanya dikeluarkan jika pemohon menyediakan sekurang-kurangnya empat aktiviti seperti sauna, jakuzi, mandi herba, urut badan dan urut kaki”

Mhd Amin Nordin Abd Aziz

dari tempat itu dengan segera," katanya

Secara amnya, katanya, setiap kawasan gelap dan

sunyi memang berisiko berlakunya jenayah dan di sini kadar jenayah masih terkawal.